

# Jalan Cheras tidak sesuai sebagai lokasi jajaran - MRT Corp

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) hari ini memaklumkan operasi kereta api My Rapid Transit (MRT) tidak akan selamat sekiranya jajaran-nya kekal melalui Jalan Cheras, dekat sini.

MRT Corp dalam kenyataan akhbar-nya memaklumkan, ia berikutan tahap kecerunan di kawasan itu sangat curam, iaitu kira-kira lima peratus dan akan menyebabkan kereta api memerlukan lebih kuasa untuk mendaki.

"Justeru, laluan yang diluluskan kerajaan iaitu melalui Kampung Landasan, Batu 3 1/2, Cheras yang berdekatan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Naam Kheung adalah lebih selamat kerana tahap kecerunannya hanya sekitar 3.2 peratus.

"Tambahan pula, cadangan untuk membina jajaran lurus dari Maluri ke Bukit Ria akan menyebabkan kereta api melalui kawasan yang padat di Jalan Cheras, selain mengakibatkan banyak kedai terpaksa dirobohkan," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu merujuk kepada kenyataan pihak sekolah berkenaan yang menolak jajaran

MRT melalui kawasan di situ.

Tambah MRT Corp, pembinaan jajaran berdekatan sekolah itu tidak akan melibatkan pengambilalihan sebarang tanah milik sekolah dan ia akan kekal beroperasi seperti biasa.

Mengulas mengenai tahap keselamatan di situ pula, MRT Corp berkata, tapak projeknya akan dikawal rapi bagi memastikan tiada individu mencero-boh kawasan itu.

"Pengurusan trafik akan dilaksanakan untuk memastikan kelancarannya dan penghadang bunyi turut akan dibina bagi meminimumkan kesan bising.

"Tambahan pula, kereta api yang tahap bunyinya paling minimum akan digunakan sebaik sahaja MRT beroperasi kelak," kata kenyataan itu.

MRT Corp menyatakan, sebelum ini pihaknya telah bertemu dengan Lembaga Pengelola, persatuan ibu bapa dan guru serta persatuan alumni sekolah itu beberapa kali mengenai sebab penjajaran itu.

Menurutnya lagi, mereka juga telah mencadangkan pengu- bahsuaian ke atas reka bentuk tembok untuk laluan bertingkat di situ tetapi telah ditolak oleh pihak sekolah berkenaan.